



## JABATAN PERTANIAN MALAYSIA

(Department of Agriculture Malaysia)

ARAS 1 - 3, WISMA TANI  
JALAN SULTAN SALAHUDDIN  
50632 KUALA LUMPUR

Tel: 603-2030 1400  
Faks: 603-2691 3530 / 3550  
E-mel: pro@doa.gov.my  
Portal Rasmi: www.doa.gov.my

Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami : JP.BBT.207/SKIP/350/A Jld.12 (77)  
Tarikh : 22 Ogos 2024

### Ketua Pengarah

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)  
Aras 4, Menara 4G1, Wisma Tani,  
No 28, Persiaran Perdana, Presint 4,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62624, Putrajaya.

Tuan,

### PEMBERITAHUAN PENGEMASKINIAN KEPERLUAN PERMIT IMPORT (IMPORT PERMIT, IP) BAGI PENGIMPORAN MINERAL TERPROSES DARI SEMUA NEGARA KE MALAYSIA

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah berkaitan dan dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan Pertanian telah mengemaskini keperluan Import Permit (IP) bagi pengimportan bahan mineral terproses (highly processed) khususnya bagi semua pengimportan bahan mineral dalam bentuk serbuk (powder) dari semua negara. Untuk itu, Jabatan ini bersetuju bahawa bagi pengimportan bahan mineral dalam bentuk pengimportan (description form) serbuk (powder) adalah tidak tertakluk kepada keperluan IP berikutan tahap risiko berperosak bersama konsainan adalah rendah. Namun begitu, pengimportan ini masih tertakluk kepada pemeriksaan di pintu masuk oleh pegawai Jabatan tuan. Sekiranya terdapat perosak dikesan semasa pemeriksaan, maka tindakan kuarantin bersesuaian boleh diambil ke atas konsainan tersebut.

3. Oleh yang demikian, dengan surat pemakluman pengemaskinian ini, maka surat Jabatan bertarikh 3 Januari 2017 dengan nombor rujukan: JP.PTK 207/KIE/350/A JLD.18 (65) adalah TERBATAL. Bagi mana-mana pengimportan mineral yang tidak tersenarai di dalam **Lampiran 1** dan pengimportan mineral dalam bentuk semulajadi (raw) atau semi-proses (semi-processed) (selain serbuk) adalah masih tertakluk kepada keperluan IP dan pemeriksaan di pintu masuk. Jabatan juga akan mengemaskini dari masa ke semasa Lampiran 1 tersebut bagi senarai Kod HS (HS Code) mineral yang dikecualikan IP. Justeru, Jabatan akan menyahaktifkan (*inactive*) bagi semua syarat pengimportan mineral (dalam bentuk serbuk) yang tidak memerlukan IP. Jabatan berharap supaya pihak tuan dapat membuat hebahan kepada semua pegawai di pintu masuk serta pemegang taruh yang terlibat dengan pengimportan mineral ini. Kerjasama dan keprihatinan pihak tuan amat dihargai.

ANDA KAMI UTAMAKAN



MS ISO 9001:2015 (DSM 000565)



MS ISO 37001:2016 (ABMS 00275)

4. Sekiranya pihak tuan memerlukan maklumat atau penjelasan lebih lanjut berhubung perkara ini, sila hubungi talian 03-2030 1400 (Unit Kawalan Import dan PRA) atau emelkan kepada [unitimportpra@doa.gov.my](mailto:unitimportpra@doa.gov.my).

Sekian, terima kasih.

**'MALAYSIA MADANI'**

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menjalankan amanah,



**(Ts. ROSMAWATI BINTI SELAMAT)**

Pengarah

Bahagian Biosekuriti Tumbuhan

b.p Ketua Pengarah Pertanian

Jabatan Pertanian Malaysia

s.k:

1. Ketua Pengarah Pertanian
2. Ketua Pengarah, Jabatan Kastam Diraja Malaysia
3. Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pengurusan dan Regulatori)
4. Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)
5. Timbalan Pengarah, Bahagian Biosekuriti Tumbuhan
6. Ketua Seksyen Kawalan Import dan Penguatkuasaan Akta
7. Ketua Unit Kawalan Import & PRA
8. Ketua Unit Perundangan & Penguatkuasaan
9. Ketua Unit Penyaringan Biosekuriti, Serdang

**SENARAI TARIF KOD KASTAM UNTUK BAHAN MINERAL YANG  
DIKECUALIKAN PERMIT IMPORT (IMPORT PERMIT, IP) DARIPADA JABATAN  
PERTANIAN MALAYSIA**

BIL	KOD TARIF HS (HS CODE)	JENIS PRODUK
1.	2501	Salt (including table salt and denatured salt) and pure sodium chloride, whether or not in aqueous solution ; or containing added anti-caking or free-flowing agents ; sea water.
2.	2502	Unroasted iron pyrites
3.	2503	Sulphur of all kinds, other than sublimed sulphur, precipitated sulphur and colloidal sulphur
4.	2509	Chalk
5.	2512	Siliceous fossil meals (for examples, kieselguhr, tripolite and diatomite) and similar siliceous earths, wheather or not calcined, of an apparent specific gravity of 1 or less.
6.	2517.20	Macadam of slag, dross or similar industrial waste. Whether or not incorporating the material cited in subheading 2517.10
7.	2517.30	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Tarred macadam</li> <li>- Granules, chippings and powder of stones of heading 26.15 or 25.16, whether or not heat-treated.</li> </ul>
8.	2518	Dolomite, whether or not calcined or sinteredm including dolomite roughly trimmed or merely cut, by sawing or otherwise, into blocks or slabs of a rectangular (including square) shape ; dolomite ramming mix
9.	2519	Natural magnesium carbonate (magnesite); fused magnesia; dead-burned (sintered) magnesia, whether or not containing small quantities of other oxides added before sintering; other magnesium oxide, whether or not pure.
10.	2520.20	Plasters: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Of a kind suitable for use in denstistry</li> <li>- Other</li> </ul>
11.	2522	Quicklime, slaked lime and hydrailic lime, other than calcium oxide and hydroxide of heading 28.25 <ul style="list-style-type: none"> <li>- Description form excluding IP from this HS Code <b>only applicable</b> for powder form (highly process mineral)</li> </ul>
12.	2524	Asbestos

13.	2525	Mica, including splittings, mica waste
14.	2526.20	Crushed or powdered: <ul style="list-style-type: none"><li>- Talc powder</li><li>- Other</li></ul>
15.	2529.21	Containing by weight 97% or less of calcium fluoride
16.	2529.22	Containing by weight more than 97% of calcium fluoride
17.	2529.30	Leucite; nepheline and nepheline syenite